

**PENILAIAN TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS DALAM
BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH KEBANGSAAN
KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN**

Oleh:

Hashim Othman, *Ph.D*
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
hashim@usm.my

Pendahuluan

Sesuai dengan statusnya sebagai bahasa rasmi Malaysia yang mendokong peranan sebagai bahasa ilmu pengetahuan (Akta Pendidikan, 1996), bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama bagi mata-mata pelajaran di sekolah kebangsaan, kecuali Matematik dan Sains mulai 2004 (Sharifah Maimunah, 2004) serta sebagai satu mata pelajaran wajib, termasuklah di sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil). Pada akhir tahun keenam persekolahan rendah, lulusannya dijangka mencapai suatu tahap penguasaan bahasa Melayu yang membolehkan mereka bersedia untuk mengikuti pelajaran dalam bahasa berkenaan pada peringkat menengah serta institusi-institusi pendidikan yang lebih tinggi. Penawarannya sebagai mata pelajaran sekolah kebangsaan berasaskan penumpuan khusus pada dua tahap persekolahan. Bagi kemahiran menulis, pengajaran pada Tahap I (Tahun 1 hingga Tahun 3) tertumpu pada kemahiran menulis asas, iaitu mengenal dan menulis abjad, mencantumkan menjadi kata, frasa, dan ayat, sementara Tahap II (Tahun 4 hingga Tahun 6) menekankan kemahiran menulis fungsian, iaitu untuk melahirkan idea dan perasaan bagi memenuhi fungsi komunikasi. Penekanan pengajaran kemahiran menulis amat penting bukan sahaja untuk tujuan pencarian ilmu pengetahuan, tetapi juga bagi memenuhi fungsi sosial dalam aktiviti kehidupan harian. Bagi tujuan itu, murid sekolah haruslah mencapai suatu tahap literasi yang sesuai untuk memenuhi kedua-dua fungsi berkenaan.

Kertas kerja Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu bertema Merekayasa Pendidikan Bahasa Melayu untuk Mendepani Cabaran Semasa anjuran bersama Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan & Pusat Seni, USM, dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara dari 16 – 18 September 2005 di Paradise Beach Resort, Tanjung Bunga, Pulau Pinang.

Literasi umumnya dirujuk sebagai kebolehan minimum menggunakan kemahiran membaca dan menulis untuk memenuhi tuntutan kehidupan harian dan merupakan keperluan asasi setiap individu. Berdasarkan konsep ini, beberapa buah kajian yang telah dijalankan di Malaysia menunjukkan tahap literasi kian meningkat. Kajian Atan Long dan rakan-rakan (1983) menyatakan kadar literasi di Malaysia ialah 74 peratus, iaitu daripada 47 peratus etnik Melayu, 39 peratus etnik Cina, dan 37 peratus etnik India. Kajian oleh Perpustakaan Negara (1996) menunjukkan 93 peratus rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas adalah literat, iaitu daripada kalangan yang telah mendapat pendidikan formal di sekolah rendah. Kadar ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan kajian yang telah dijalankan oleh UNESCO (1995) yang menunjukkan kadar literasi rakyat Malaysia ialah 83.0 peratus, iaitu di belakang Indonesia (93.8 peratus), Filipina (94.65 peratus), Singapura (91.1 peratus), dan Thailand (93.8 peratus). Kajian literasi di atas, walau bagaimanapun lebih tertumpu pada kemahiran membaca berbanding kemahiran menulis (Mariam, 1997; Awang Had Salleh, 1997).

Pengumpulan data tentang literasi yang membabitkan kemahiran menulis di Malaysia, telah dijalankan oleh jabatan-jabatan pelajaran, misalnya oleh Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (2001). Hasil bancian kemahiran menulis yang dijalankan di negeri ini didapati sebanyak 86.0 peratus murid sekolah kebangsaan di negeri ini menguasai kemahiran berkenaan dengan sekolah-sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Pulau mendahului pencapaian, iaitu 88.0 peratus dan diikuti Pejabat Pendidikan Daerah Utara & Tengah (85.4 peratus), dan Pejabat Pendidikan Daerah Selatan (81.6 peratus). Sekiranya pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah negeri Pulau Pinang yang kerap mengatasi pencapaian nasional dijadikan ukuran, peratusan di atas menggambarkan masih ramai bilangan murid sekolah kebangsaan di negara ini masih belum mencapai tahap penguasaan minimum dalam kemahiran menulis.

Latar Belakang

Kemahiran menulis merupakan sebahagian daripada kemahiran literasi yang menurut UNESCO (1980) merupakan salah satu hak asasi individu yang menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan terhadap rakyatnya. Kurangnya kajian tentang literasi

fungsian yang membabitkan kemahiran menulis menyebabkan kurang lengkap data tentang tahap literasi di Malaysia, khususnya dalam bahasa Melayu. Sebuah kajian khusus tentang literasi kemahiran menulis diperlukan bagi melengkapkan kajian literasi sebelumnya yang lebih tertumpu pada kemahiran membaca, serta dapat dibuat bandingan dengan tahap penguasaan kemahiran menulis yang telah dijalankan di luar Negara (Purve, 1992). Dapatan kajian akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang kecekapan berkomunikasi murid sekolah rendah di Malaysia, iaitu generasi yang mendukung tanggungjawab untuk merealisasikan wawasan 2020 ke arah pembinaan negara maju melalui penguasaan ilmu dan teknologi canggih dengan jati diri tempatan. Kajian ini dapat menilai sejauh mana program pendidikan bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah berjaya melahirkan murid yang literat, yakni bukan sekadar mengenal huruf dan angka, tetapi dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran bahasa (khususnya menulis) untuk menyelesaikan masalah harian dalam konteks formal dan tidak formal. Secara khusus, dapatan kajian juga turut menyediakan maklumat tentang tahap penguasaan kemahiran menulis murid sekolah kebangsaan dalam bahasa Melayu pada peringkat pendidikan asas, iaitu bahasa yang mendukung peranan bahasa pengantar utama pendidikan atau bahasa ilmu.

Kemahiran menulis sebenarnya meruapakan kemahiran berbahasa tertinggi yang berkembang selari mengikut perkembangan otak dan pengalaman berbahasa seseorang. Sebagai kemahiran bahasa, fungsinya ialah untuk tujuan berkomunikasi dan menyelesaikan pelbagai urusan dalam aktiviti harian yang meliputi bidang pendidikan, sosial, dan pekerjaan. Berdasarkan premis yang berkaitan fungsinya sebagai alat komunikasi, sebuah kajian yang menggunakan model komunikatif (Hymes, 1972; Canale, 1983; Allen dan rakan-rakan, 1983; Bachman, 1990; Hutchinson, 1990) telah dijalankan oleh satu pasukan penyelidik dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2003. Kajian yang mendapat peruntukan kewangan di bawah *Fundamental research Grant Scheme (FRGS)* dilakukan bagi menilai tahap penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu murid sekolah kebangsaan. Pengumpulan data adalah meliputi sampel di Semenanjung Malaysia untuk digunakan dalam pembinaan

jadual matriks yang mengandungi tanda aras kemahiran menulis murid sekolah kebangsaan dari Tahun 2 hingga Tahun 6.

Tujuan

Kertas ini secara khusus melaporkan tentang bahagian awal kajian yang telah dijalankan, iaitu tentang pembinaan instrumen untuk mengumpul data tentang kemahiran menulis dalam bahasa Melayu murid sekolah kebangsaan bagi Tahap I dan Tahap II. Seterusnya, data awal daripada 200 buah sampel karangan bagi setiap tahap yang telah dinilai oleh pemeriksa pertama digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen.

Kaedah

Kajian ini melibatkan aktiviti pengumpulan data tentang tahap penguasaan kemahiran menulis murid sekolah rendah pada dua tahap persekolahan, iaitu Tahap I (Tahun 1, 2, dan 3) dan Tahap II (Tahun 4, 5, dan 6). Pengumpulan data kajian ini melibatkan pembinaan dua buah instrumen utama, iaitu skema analisis karangan versi Tahap I dan versi Tahap II serta dua set soalan mengikut tahap. Daripada data yang analisis, dua buah jadual matriks yang mengandungi tanda aras kemahiran menulis mengikut tahap penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu akan dihasilkan.

Instrumen

Instrumen dalam kajian ini, iaitu skema analisis karangan dibina dalam dua versi, iaitu untuk Tahap I dan Tahap II sekolah rendah. Bagi Tahap I dan Tahap II yang mempunyai penekanan yang berbeza, senarai kecekapan menulis dikelompokkan mengikut komponen yang berbeza. Tahap I mengandungi komponen (a) Menulis Asas, (b) Wacana, dan (c) Tatabahasa, sementara Tahap II mengandungi komponen (a) Sociolinguistik, (b) Wacana, (c) Tatabahasa. Rujukan utama yang digunakan termasuklah Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a) dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah Tahun 1 – 6 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003b) serta model komunikatif (lihat Hymes, 1972; Bachman, 1990; Hutchinson, 1990; dan Hashim, 2003 & 2005).

Jadual 1.1 menunjukkan kandungan instrumen versi Tahap I yang mengandungi komponen, subkomponen, dan item kecekapan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu bagi Tahun1, Tahun 2, dan Tahun3. Dalam komponen kemahiran menulis asas, terdapat subkomponen mekanis dan tulisan awal, iaitu menyalin, menulis, dan bina-lengkapkan. Dalam komponen wacana, terdapat subkomponen koheren dan kohesi. Koheren bermaksud kecekapan menyusun idea dan membina makna, sementara kohesi merupakan kecekapan menyusun ayat secara padu dan padat untuk membina teks. Komponen tatabahasa pula mengandungi subkomponen aspek mekanis, morfologi, dan sintaksis yang merupakan kecekapan memilih dan menggunakan tanda baca dan memilih stuktur-struktur bahasa yang betul untuk berkomunikasi. Keseluruhannya, skema analisis karangan Tahap I mengandungi 33 item.

Jadual 1.1: Kandungan Instrumen versi Tahap I

Komponen/ Subkomponen	Kecekapan
(a) Mekanis	
Menyalin	1. Menyalin perkataan
	2. Menyalin ayat mudah
	3. Menyalin perenggan
Menulis	4. Menulis perkataan mudah
	5. Menulis pernyataan mudah berdasarkan bahan rangsangan
	6. Menulis maklumat mudah
Bina-lengkapkan	7. Membina dan menulis perkataan yang mengandungi diftong
	8. Membina dan menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding
	9. Membina dan menulis perkataan yang mengandungi konsonan bergabung
	10. Membina dan menulis ayat mudah
	11. Membina ayat daripada perkataan yang diberi
	12. Melengkapkan ayat menggunakan frasa
	13. Melengkapkan ayat menggunakan peribahasa
14. Menggunakan tanda baca yang betul	
(b) Wacana	
Koheren	15. Menyusun dan menulis ayat yang sesuai mengikut gambar bersiri
	16. Menyusun perenggan mengikut urutan idea
	17. Membina dan menulis ayat topik dan ayat huraian
	18. Melengkapkan cerita/wacana
Kohesi	19. membina pertautan dengan kata hubung yang sesuai
	20. Membina pertautan dengan menggunakan perkataan yang sesuai (pengulangan kata, sininim, antonim dll)
	21. Menggunakan penanda wacana yang sesuai
	22. Membina wacana yang sempurna bagi karangan

(c) Tatabahasa	
<i>Mekanis</i>	23. Menggunakan sistem ejaan bahasa Melayu dengan betul
	24. Menggunakan tanda baca yang sesuai
	25. Menggunakan huruf kecil/besar dengan betul
<i>Morfologi</i>	26. Menggunakan kosa kata yang sesuai
	27. Memilih dan menggunakan kata dengan betul
	28. Menggunakan imbuhan dengan betul
	29. Menggunakan frasa/ungkapan dengan betul
	30. Menggunakan laras bahasa yang sesuai
<i>Sintaksis</i>	31. Menggunakan ayat yang betul strukturnya (lengkap)
	32. Membina ayat yang jelas maknanya
	33. Menggunakan pelbagai ragam ayat

Jadual 1.2 pula menunjukkan kandungan instrumen versi Tahap II yang mengandungi komponen, subkomponen, dan item kecekapan bagi Tahun 4, Tahun 5, dan Tahun 6. Disebabkan penekanan Tahap II ialah pengukuhan kemahiran menulis dan penggunaannya dalam fungsi komunikasi, komponen menulis asas digantikan dengan komponen sosiolinguistik. Komponen sosiolinguistik meliputi subkomponen tujuan penulisan dan khalayaknya (pembaca), komponen wacana meliputi peratlian dan pertautan, dan komponen tatabahasa mengandungi subkomponen mekanis, morfologi, dan sintaksis. Keseluruhannya instrumen versi Tahap II mempunyai 31 item kecekapan menulis.

Jadual 1.2: Kandungan Instrumen versi Tahap II

Komponen/ Subkomponen	Kecekapan
a) Sosiolinguistik	
<i>Tujuan</i>	1. Menulis karangan berorientasikan maklumat / pembaca / penulis
	2. Menghuraikan maklumat mengikut konteks dan situasi
	3. Menjelaskan idea utama dan idea-idea sokongan
	4. Memujuk pembaca dalam huraian
	5. Melahirkan perasaan/pengalaman penulis
<i>Pembaca</i>	6. Menggunakan kata panggilan yang sesuai untuk khalayak
	7. Memahami latar belakang khalayak
	8. Berinteraksi dengan pembaca
b) Wacana	
<i>Pertalian (koheren)</i>	9. Mempunyai idea kawalan
	10. Mengembangkan idea berasaskan hubungan sebab-akibat
	11. Mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan tajuk
	12. Menghurai idea berdasarkan idea kawalan
	13. Menggunakan gaya penulisan yang tepat
	14. Membuat kesimpulan yang sesuai dengan tajuk
	15. Membina pertautan dengan kata hubung yang sesuai

<i>Pertautan (kohesi)</i>	16. Membina pertautan dengan menggunakan perkataan yang sesuai (pengulangan kata, sinonim, antonim dll)
	17. Menggunakan penanda wacana yang sesuai
	18. Membina wacana yang sempurna bagi karangan
c) Tatabahasa	
<i>Mekanis</i>	19. Menggunakan sistem ejaan bahasa Melayu dengan betul
	20. Menggunakan tanda baca yang sesuai
	21. Menggunakan huruf kecil/besar dengan betul
	22. Memerengangkan karangan dengan rapi
	23. Menggunakan format karangan yang betul
<i>Morfologi</i>	24. Menggunakan kosa kata yang luas
	25. Menggunakan kata dengan betul
	26. Menggunakan imbuhan dengan betul
	27. Menggunakan rangkai kata/ungkapan dengan betul
	28. Menggunakan laras bahasa yang sesuai
<i>Sintaksis</i>	29. Menggunakan ayat yang betul strukturnya (lengkap)
	30. Membina ayat yang jelas maknanya
	31. Menggunakan pelbagai ragam ayat dalam wacana

Kedua-dua buah instrumen menggunakan skala Likert 5-mata bagi menilai penguasaan kecekapan menulis dalam bahasa Melayu. Nilai mata dalam skala ialah:

- 1 = Sangat lemah
- 2 = Lemah
- 3 = Sederhana
- 4 = Baik
- 5 = Sangat baik

Sebuah kajian rintis telah dilaksanakan bagi mencuba kedua-dua instrumen ini dengan melibatkan seramai 50 orang murid Tahun 3 dan 50 orang murid Tahun 6 di sebuah sekolah dalam Daerah Kuala Muda, Di Kedah. Keputusan kajian rintis menunjukkan kedua-dua buah instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu dengan nilai alfa keseluruhan .99 bagi instrumen versi Tahap I, dan nilai alfa keseluruhan .99 bagi versi Tahap II.

Soalan karangan

Dua set soalan karangan bagi setiap tahap merupakan rangsangan kepada murid untuk menghasilkan gerak balas dalam bentuk karangan yang akan dianalisis dengan menggunakan skema analisis karangan dalam pengumpulan data tentang kemahiran

menulis masing-masing. Kertas soalan karangan Tahap I dan Tahap II memakan masa selama satu jam setengah setiap satu (Lihat Caudery, 1990; Weir, 1993). Kertas soalan Tahap I mengandungi soalan yang meminta murid menyusun gambar mengikut urutan cerita; melengkapkan ayat berdasarkan gambar; menyusun dan menyalin perenggan menjadi karangan lengkap; dan menulis karangan berdasarkan satu tajuk pilihan yang panjangnya tidak kurang daripada 60 patah perkataan. Kertas soalan Tahap II pula mengandungi soalan yang meminta murid menulis dua buah karangan, iaitu jenis keperihalan dan imaginatif yang kepanjangan setiap sebuah tidak kurang daripada 100 patah perkataan. Pembinaan soalan karangan dalam kajian ini dilakukan berdasarkan pandangan Weir (1993) yang menyatakan tugas bagi mengumpul data kecekapan menulis memerlukan pemprosesan wacana dan pembinaannya yang menyamai situasi sebenar. Kedua-dua set soalan bagi Tahap I dan Tahap II ini telah dirujuk kepada empat orang guru berpengalaman mengajar bahasa Melayu di sekolah kebangsaan. Maklum balas daripada mereka digunakan untuk memurnikan soalan-soalan karangan berkenaan sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

Sampel

Sampel kajian ini ialah karangan yang dihasilkan oleh murid sekolah kebangsaan, iaitu murid Tahun 2, dan 3 (Tahap I) dan murid Tahun 4, 5, dan 6 (Tahap II). Mereka telah melalui pengalaman mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun dan diperakukan oleh sekolah masing-masing sebagai murid yang mencapai tahap sekurang-kurangnya dapat mengenal huruf dan menulis awal. Sampel adalah mewakili Semenanjung Malaysia, itu meliputi sekolah kebangsaan dalam kategori bandar dan luar bandar dalam empat zon. Zon-zon tersebut ialah zon utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak), zon tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, dan Negri Sembilan), zon selatan (Melaka, dan Johor), dan zon timur (Kelantan, Terengganu, dan Pahang). Pengumpulan sampel karangan ini telah dilaksanakan dari 4 April 2004 hingga 8 Mei 2004. Keseluruhannya, sebanyak 2,020 sampel karangan Tahap I dan 3,024 buah sampel karangan Tahap II telah dapat dikumpul.

Pemeriksaan Karangan

Pemeriksaan karangan Tahap I dan II dilakukan oleh dua pasukan pemeriksa yang setiap satu dianggotai oleh lima orang yang terdiri daripada guru-guru bahasa Melayu yang berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun sebagai pemeriksa kertas karangan peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Mereka dijemput menghadiri sesi taklimat dan latihan menggunakan skema analisis karangan untuk memeriksa sampel karangan pada 18 Mei 2005. Selepas sesi latihan menggunakan instrumen dan aktiviti penyelarasan pemeriksaan karangan, pemeriksa diberi masa selama satu bulan bagi menyiapkan pemeriksaan karangan, iaitu setiap pemeriksa diberi tugas mengikut tahun persekolahan dengan setiap seorang memeriksa lebih kurang 1,000 buah karangan. Setiap sampel karangan adalah diperiksa oleh dua orang pemeriksa dan tugas pemeriksaan tersebut telah selesai pada 16 Julai 2005.

Kebolehpercayaan

Kertas ini melaporkan kebolehpercayaan instrumen-instrumen yang digunakan untuk mengumpul data tentang tahap penguasaan kemahiran menulis murid sekolah kebangsaan dalam bahasa Melayu, iaitu skema analisis karangan versi Tahap I (Tahun 3) dan versi Tahap II (Tahun 6). Kebolehpercayaan ini meliputi ketekalan dalaman instrumen berdasarkan kebolehpercayaan jumlah-item, dan korelasi skema dengan komponen-komponennya daripada data awal yang melibatkan 200 sampel karangan Tahun 3 dan Tahun 6.

Keputusan

Kebolehpercayaan jumlah-item bagi skema analisis karangan

Kebolehpercayaan jumlah-item bagi skema analisis karangan versi Tahap I (Tahun 3) ditunjukkan dalam Jadual 1.3 berdasarkan taburan item yang jumlahnya 33. Didapati min skor item ialah antara 2.10 hingga 3.57, sementara sisihan piawai ialah antara .69 hingga 1.0.

Jadual 1.3
Kebolehpercayaan Jumlah-item Skema Analisis Karangan Bahasa Melayu
versi Tahap I (Tahun 3)

Bil.	Komponen	Subkomponen	Item	Min	Sisihan Piawai	Korelasi Jumlah-item yang dibetulkan	Alfa jika item dibuang	Kebolehpercayaan subkomp.	Kebolehpercayaan komponen	Kebolehpercayaan skema analisis karangan
1.	Menulis Asas	Menyalin	Salin1	3.52	.81	.89	.99	.95	.98	.99
			Salin2	3.52	.83	.91	.99			
			Salin3	3.33	.88	.85	.99			
		Menulis	Tulis 4	3.57	.87	.89	.99	.96		
			Tulis5	3.36	.98	.89	.99			
			Tulis6	3.26	.96	.90	.99			
		Bina-lengkapkan	Bina7	2.55	.79	.89	.99	.95		
			Bina8	2.45	.84	.89	.99			
			Bina9	2.38	.84	.90	.99			
			Bina10	3.05	1.02	.91	.99			
			Bina11	3.01	1.03	.91	.99			
			Bina12	2.64	.95	.90	.99			
			Bina13	2.53	.69	.33	.99			
			Bina14	3.12	.92	.88	.99			
2.	Wacana	Pertalian (Koheren)	Tali15	3.26	1.06	.63	.99	.91	.97	
			Tali16	2.96	1.04	.82	.99			
			Tali17	2.38	.94	.92	.99			
			Tali18	2.37	.93	.92	.99			
		Pertautan (Kohesi)	Taut19	2.56	.99	.90	.99	.97		
			Taut20	2.40	.95	.90	.99			
			Taut21	2.34	.98	.92	.99			
			Taut22	2.14	.93	.92	.99			
3.	Tatabahasa	Mekanis	Meka23	3.20	.85	.86	.99	.93	.98	
			Meka24	3.08	.93	.87	.99			
			Meka25	3.18	.96	.85	.99			
		Morfologi	Morfo26	2.94	.93	.90	.99	.97		
			Morfo27	2.87	.94	.91	.99			
			Morfo28	3.11	.92	.89	.99			
			Morfo29	2.45	.90	.91	.99			
			Morfo30	2.36	.96	.92	.99			
		Sintaksis	Sintak31	2.44	1.02	.93	.99	.96		
			Sintak32	2.44	1.05	.93	.99			
			Sintak33	2.10	.90	.90	.99			

Nilai alfa skema ini didapati amat tinggi, iaitu .99, sementara nilai alfa bagi setiap komponen dan subkomponen-subkomponennya adalah sangat tinggi, iaitu antara .97 dan .98 bagi komponen wacana, menulis asas, dan tatabahasa, dan antara .91 hingga .97 bagi subkomponen skema. Nilai alfa tertinggi dicatat dalam komponen menulis asas dan tatabahasa dengan nilai alfanya .98, sementara semua subkomponen skema mencatat nilai alfa antara .91 yang terendah bagi pertalian (koheren) hingga .97 yang tertinggi bagi pertautan (kohesi) dalam komponen wacana, dan morfologi dalam komponen tatabahasa.

Dua item kecekapan menulis, iaitu Bina13 (Melengkapkan ayat menggunakan peribahasa) dalam komponen menulis asas mempunyai korelasi jumlah-item yang agak rendah (.33), dan Tali15 (Menyusun dan menulis ayat yang sesuai mengikut gambar bersiri) dalam komponen wacana mencatat korelasi yang sederhana (.63). Kehadiran kedua-dua item yang korelasinya agak rendah dan sederhana walau bagaimanapun tidak begitu menjejaskan kebolehpercayaan subkomponen masing-masing yang sememangnya tinggi.

Kebolehpercayaan jumlah-item bagi skema analisis karangan versi Tahap II (Tahun 6) ditunjukkan dalam Jadual 1.4 berdasarkan taburan item yang jumlahnya 31. Min skor itemnya ialah antara 3.18 hingga 4.02, sementara sisihan piawai ialah antara .93 hingga 1.17.

Koefisien kebolehpercayaan skema ini adalah amat tinggi, iaitu dengan nilai alfanya .99 dengan setiap komponen, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa mempunyai nilai alfa .98. Semua subkomponen skema mempunyai nilai alfa sangat tinggi melebihi .95. Semua item kecekapan menulis mempunyai korelasi jumlah-item, iaitu daripada yang terendah dengan nilai alfa .85 hingga yang tertinggi, iaitu .93. Kehadiran semua item yang korelasinya sangat tinggi ini telah menyumbang kepada kebolehpercayaan yang sangat tinggi bagi setiap subkomponen skema.

Jadual 1.4
Kebolehpercayaan Jumlah-item Skema Analisis Karangan Bahasa Melayu
versi Tahap II (Tahun 6)

Bil.	Komponen	Subkomponen	Item	Min	Sisihan Piawai	Korelasi Jumlah-item yang dibetulkan	Alfa jika item dibuang	Kebolehpercayaan subkom.	Kebolehpercayaan komponen	Kebolehpercayaan skema analisis karangan				
1.	Sisio-linguistik	Tujuan	Tuju1	3.64	1.02	.92	.99	.98	.98					
			Tuju2	3.59	1.08	.93	.99							
			Tuju3	3.63	1.11	.93	.99							
			Tuju4	3.54	1.10	.93	.99							
		Pembaca	Tuju5	3.51	1.09	.92	.99	.97						
			Baca6	3.35	1.08	.90	.99							
			Baca7	3.36	1.05	.90	.99							
			Baca8	3.35	1.05	.91	.99							
2.	Wacana	Pertalian (Koheren)	Tali9	3.96	1.06	.92	.99	.97	.98	.99				
			Tali10	3.44	1.13	.89	.99							
			Tali11	3.71	1.11	.91	.99							
			Tali12	3.70	1.10	.93	.99							
			Tali13	3.66	1.14	.92	.99							
			Tali14	3.42	1.17	.91	.99							
		Pertautan (Kohesi)	Taut15	3.54	1.10	.91	.99	.95						
			Taut16	3.34	1.04	.89	.99							
			Taut17	3.22	1.04	.87	.99							
			Taut18	3.43	1.04	.90	.99							
		3.	Tatabahasa	Mekanis	Meka19	3.65	.95	.86			.99	.95	.98	
					Meka20	3.87	1.05	.87			.99			
					Meka21	3.89	1.09	.87			.99			
					Meka22	4.02	1.15	.85			.99			
Meka23	3.87				1.17	.86	.99							
Morfologi	Morfo24			3.65	1.12	.89	.99	.96						
	Morfo25			3.74	1.10	.90	.99							
	Morfo26			3.67	1.09	.91	.99							
	Morfo27			3.52	1.16	.88	.99							
Sintaksis	Morfo28			3.64	1.11	.91	.99	.96						
	Sintak29			3.60	1.11	.89	.99							
	Sintak30			3.32	.95	.89	.99							
	Sintak31			3.18	.93	.92	.99							

Korelasi skema analisis karangan dengan komponen-komponennya

Korelasi skema analisis karangan versi Tahap I (Tahun 3) dengan komponen-komponennya ditunjukkan dalam Jadual 1.5. Didapati skema ini mempunyai korelasi yang amat tinggi dan signifikan dengan komponen-komponennya, iaitu menulis asas, wacana, dan tatabahasa dengan nilai alfa melebihi .97. Korelasi antara komponen juga sangat tinggi dan signifikan, tetapi lebih rendah berbanding dengan koefisien kebolehpercayaan, iaitu antara menulis asas dengan wacana (.92), antara menulis asas dengan tatabahasa (.93), dan antara wacana dengan tatabahasa (.94). Kesimpulannya,

skema mempunyai kesahan dalaman dan kesahan pembezaan yang membuktikan kesahan gagasan instrumen (Crocker dan Algina, 1986; Anastasi, 1988).

Jadual 1.5
Korelasi Skema Analisis Karangan Bahasa Melayu versi Tahap I (Tahun 3)
dengan Komponen-komponennya

	SAKT1	MENULIS ASAS	WACANA	TATABAHASA
SAKT1	1.00	.98**	.97**	.98**
MENULIS ASAS	.98**	1.00	.92**	.93**
WACANA	.97**	.92**	1.00	.94**
TATABAHASA	.98**	.93**	.94**	1.00

***. Korelasi signifikan pada aras 0.01 (1-hujung)*

Korelasi skema analisis karangan versi Tahap II (Tahun 6) dengan komponen-komponennya ditunjukkan dalam Jadual 1.6. Didapati skema ini mempunyai korelasi yang amat tinggi dan signifikan dengan komponen-komponennya, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa dengan nilai alfa melebihi .97. Korelasi antara komponen juga sangat tinggi dan signifikan, tetapi lebih rendah berbanding dengan koefisien kebolehpercayaan, iaitu antara sosiolinguistik dengan wacana (.95), antara sosiolinguistik dengan tatabahasa (.92), dan antara wacana dengan tatabahasa (.95). Kesimpulannya, skema mempunyai kesahan dalaman dan kesahan pembezaan yang membuktikan kesahan gagasan instrumen (Crocker dan Algina, 1986; Anastasi, 1988).

Jadual 1.6
Korelasi Skema Analisis Karangan Bahasa Melayu versi Tahap II (Tahun 6)
dengan Komponen-komponennya

	SAK2	SOSIOLINGUISTIK	WACANA	TATABAHASA
SAK2	1.00	.97**	.98**	.98**
SOSIOLINGUISTIK	.97**	1.00	.95**	.92**
WACANA	.98**	.95**	1.00	.95**
TATABAHASA	.98**	.92**	.95**	1.00

***. Korelasi signifikan pada aras 0.01 (1-hujung)*

Perbincangan

Skema analisis karangan versi Tahap I dan versi Tahap II merupakan dua buah instrumen utama yang digunakan untuk mengumpul data tentang Tahap penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu murid sekolah kebangsaan. Analisis statistik kebolehpercayaan jumlah-item dan korelasi skema dan komponen-komponennya

menunjukkan bukti kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Instrumen versi Tahap I ini mempunyai nilai alfa .99, sementara versi Tahap II juga mempunyai nilai alfa .99. Koefisien kebolehpercayaan yang tinggi bagi kedua-dua buah instrumen ini disebabkan sumbangan kebolehpercayaan yang sangat tinggi setiap subkomponen yang seterusnya melonjakkan kebolehpercayaan komponen-komponennya. Bagi instrumen versi Tahap I, korelasi jumlah-item yang tinggi pada keseluruhannya tidak memerlukan pengguguran item B13 (Melengkapkan ayat menggunakan peribahasa) yang agak lemah bagi meningkatkan nilai alfa yang sekaligus membayangkan ketekalan dalamannya. Demikian juga dengan instrumen versi Tahap II pula yang mempunyai koefisien kebolehpercayaan sangat tinggi yang menunjukkan ketekalan dalaman.

Bukti ketekalan dalam kedua-dua buah instrumen ini turut diperkukuhkan dengan hasil analisis korelasi skema dengan komponen, dan korelasi antara komponen. Koefisien kebolehpercayaan instrumen versi Tahap I adalah sangat tinggi, iaitu dengan menulis asas (.98), dengan wacana (.97), dan dengan tatabahasa (.98). Koefisien kebolehpercayaan instrumen versi Tahap II juga sangat tinggi, iaitu dengan sosiolinguistik (.97), dengan wacana (.98), dan dengan tatabahasa (.98). Korelasi yang sangat tinggi skema dengan setiap komponennya merupakan bukti ketekalan dalaman seluruh instrumen (Anastasi, 1988).

Di samping itu, korelasi adalah sangat tinggi antara komponen instrumen bagi setiap versi. Bagi versi Tahap I, korelasi menulis asas dengan wacana ialah .92, menulis asas dengan tatabahasa ialah .93, dan wacana dengan tatabahasa ialah .94, sementara bagi versi Tahap II, korelasi sosiolinguistik dengan wacana ialah .95, sosiolinguistik dengan tatabahasa ialah .92, dan wacana dengan tatabahasa ialah .95. Korelasi yang sangat tinggi antara komponen instrumen bagi kedua-dua versi menunjukkan hubungan yang kuat antara komponen serta mentaksir gagasan yang sama, iaitu kemahiran menulis pada Tahap I dan Tahap II peringkat sekolah kebangsaan. Ini merupakan kesahan serentak dalam satu alat, di samping bukti kesahan gagasan secara unitari (Messicks, 1993 & 1994).

Rujukan

- Allen, P., Cummins, R.M. & Swain, M. (1983). *Development of bilingual proficiency: second year report*. Toronto, Ontario: The Ontario Institute for Studies in Education.
- Anastasi, A. (1988). *Psychological testing sixth edition*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Awang Had Salleh. (1997). Literacy: A relook of concept and approach in an era of information technology. *Suara Literasi* (Buletin of Malaysian Reading Association), 6 March.
- Bachman, L.F. (1990). *Fundamental considerations in language testing*. Oxford: Oxford University Press.
- Canale, M. (1983). From communicative competence to communicative language pedagogy. Di dalam *Language and communication* by Richards, J.C. & Schmidt, R. (ed.). London: Longman.
- Caudery, T. (1990). The validity of timed essay tests in assessment of writing skills. *ELT Journal* 44, 2: 122-131.
- Crocker, L. & Algina, J. (1986). *Introduction to classical and modern test theory*. Orlando, Florida: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Hashim Othman. (2003). *Kemahiran menulis: perspektif komunikatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Othman. (2005). *Pentaksiran karangan bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hutchinson, C. (1990). Communicative competence in language testing. Di dalam *Handbook of educational ideas and practices* by Entwistle, E., (ed.). London: Routledge.
- Hymes, D. (1972). On communicative competence. Di dalam *Sociolinguistics* by Pride, J.B. & Holmes, J. (ed.). Harmondworth: Penguin Books.
- Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Unit Kurikulum. (2001). Laporan celik huruf / angka dan bahasa Inggeris negeri Pulau Pinang 2001. (Tidak diterbitkan)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum). (2003a). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum). (2003b). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Bahasa Melayu SK Tahun 1-6*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (1996). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Education Act 1996 (Act 550) (Hingga 10 September 1996)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Mariam Abdul Kadir. (1997). Literacy in Malaysia: Innovation and development to meet vision 2020. Paper presented at Asia Literacy Regional Forum, Manila, Philippine, May 5-9.
- Messicks, S. (1993). Validity. Di dalam *Educational measurement third edition* by Lin, R.L., ed. Phoenix: American Council on Education and The Oryx Press.
- Messicks, S. (1994). The interplay of evidence and consequences in validation of performance assessments. *Educational Researcher* 23, 2: 13-23.
- Purve, C. (1992). *The IEA study of written composition II. Education and performance in fourteen countries*. New York: Pergamon Press.
- Sharifah Maimunah Syed Zain. (2004). Hala tuju pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. *Diges Pendidik*, Jilid 4, Bil. 1/2004: 1-12.
- UNESCO. (1980). Literacy 1972-1976. *Progress achieved in literacy throughout the world*. Paris: UNESCO.
- Weir, C.J. (1993). *Communicative language testing*. New York: Prentice Hall.

PASUKAN PENYELIDIK:

Penyelidikan di bawah peruntukan *FRGS* (2003-2005) ini melibatkan penyelidik berikut:

Ketua Projek:	Prof. Madya Dr. Hashim Othman
Penyelidik:	Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed
	En. Mohammad Zohir Ahmad
	Prof. Madya Dr. Nor Hashimah Hashim
	Prof. Madya Dr. Ishak Ramly
	Dr. Rohizani Yaakub
	Dr. Subadrah Madhawa Nair
	Haji Abd. Rahman Hj. Abd. Aziz
	Haji Abdullah Sani Yahaya
	Haji Yahaya Che Lah